



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

24 September 2020

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Sukar dapat kerja, 'Panjang' ternak udang kara• Dua bot nelayan Vietnam ditahan
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Tangkapan meningkat pada musim tengkujuh
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Rodok laut kebas gamat
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Azli kini jadi usahawan udang kara• Lima nelayan Vietnam ditahan curi gamat
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Cubaan nelayan Vietnam curi gamat 250kg
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Sin Chew Daily	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		4		
							24/9/2020		

Sukar dapat kerja, 'Panjang' ternak udang kara

GUA MUSANG: Ekoran sukar mendapat perkerjaan, manusia paling tinggi di negara ini, Mohd. Azli Hisyam Abdul Ghafar memilih menjadi penternak udang kara di rumahnya di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Kesedar Paloh 3, di sini.

Pemuda berusia 26 tahun itu berkata, dia bermula dengan menternak enam ekor udang kara dan kini membiak semakin banyak sehingga mencecah 2,000 ekor.

Karanya, usahanya itu turut dibantu abang dan bapanya yang banyak memberi semangat serta dorongan.

"Saya menternak udang kara dalam bangunan khas yang disediakan Risdan untuk projek itu," katanya di sini semalam.

Mohd. Azli Hisyam yang digelar 'Panjang' itu berkata, kelebihan menternak udang kara adalah memperoleh hasil selepas tempoh tiga hingga empat bulau dan kosnya murah jika

diternak sendiri di rumah.

Katanya, harga udang kara juga tinggi dengan boleh mencecah RM120 sekilogram ketika ini.

"Saya membuat pilihan menjadi penternak dan usahawan kerana tidak dapat pekerjaan lain termasuk di jabatan kerajaan atau swasta walaupun ada membuat permohonan.

"Saya mahu menjadi anggota tentera tetapi ketinggian badan 2.2 meter menyebabkan hilang kelayakan," katanya.

Tambahnya, fokusnya ketika ini adalah menambah pendapatan keluarga dan membantu ibunya, Halimah Kunju Mohamad, 63, serta bapanya Abdul Ghafar Omar, 74.

"Saya belum mempunyai teman wanita dan tidak berhasrat untuk bercinta dalam masa terdekat.

"Kemungkinan ketinggian fizikal saya menyebabkan kebanyakan perempuan takut untuk dekat," katanya.



MOHD. Azli Hisyam Abdul Ghafar melihat udang kara yang diternakinya di RKT Kesedar Paloh 3, Gua Musang, Kelantan.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		8	24/9/2020

um mls p 24/9/2020

Dua bot nelayan Vietnam ditahan

KUALA TERENGGANU: Dua bot nelayan Vietnam yang mencero boh perairan Terengganu ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dalam Op Kuda Laut kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia Terengganu, Kepten Maritim Muhammad Suffi Mohd. Ramli berkata, kedua-dua bot bersama 14 kru termasuk tekong berusia 21 hingga 52 tahun ditahan secara beringan pada jarak 94 batu nautika dari Kuala Terengganu.

Menurut beliau, salah sebuah bot dikesan cuba lari dengan memecut laju sebelum dapat ditahan selepas sejam dikejar.

"Semasa dalam perjalanan menuju ke jeti, kita dapati sebuah lagi bot mengalami kebocoran serius dan gagal dibaiki lalu karam.

"Namun kesemua awak-awak berjaya diselamatkan dan dipindahkan ke bot Maritim Malaysia," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Muhammad Suffi berkata, pemeriksaan menemui hasil tangkapan, bekalan diesel dan peralatan menangkap ikan yang kesemuanya dianggarkan bernilai hampir RM3 juta.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		30
							24/9/2020

Tangkapan meningkat pada musim tengkujuh

Nelayan ambil kesempatan limpahan rezeki, tetap utama aspek keselamatan

Oleh Nur Izzati Mohamad
ohnews@bh.com.my

Butterworth: Seorang nelayan di sini menganggap musim tengkujuh memberikan limpahan rezeki berikutan hasil tangkapan meningkat dua hingga tiga kali ganda.

Bagi Ismail Mohd Yusoff, 60, yang mencari rezeki sebagai nelayan sejak 16 tahun lalu di perairan Bagan Ajam, dekat sini, sukar memperoleh hasil memau-

dangkan laut sekitar kotor dicemari sampah.

"Tetapi di sini ketika musim ribut, masa itu hasil sangat banyak dan saya tidak melepaskan peluang untuk turun ke laut.

"Mungkin fikirkan ini dianggap bahaya, tetapi saya juga tidak turun sesuka hati, sebaliknya mengkaji pergerakan air dan ombak berdasarkan ilmu yang dipelajari," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Katanya, ketika dan selepas ri-



Ismail (kiri) bersama rakan melakukan persiapan untuk turun ke laut kerana hasil tangkapan meningkat sehingga tiga kali ganda ketika ditemui di Bagan Ajam, semalam. (Foto: Nur Izzati Mohamad/BH)

but dia memperoleh hasil antara lapan ke 16 kilogram (kg) berbanding 4kg pada musim air tenang.

"Bagaimanapun, saya tetap mengambil langkah keselamatan dengan memakai jaket serta memasang lampu pada bot seperti di sarankan Jabatan Perikanan.

"Apa yang saya cakap ini berdasarkan keadaan perairan di sini, tetapi di tempat lain mungkin kaedah digunakan setiap nelayan adalah berbeza, selain tidak turun

ke laut memandangkan keadaan berbahaya," katanya.

Tinjauan BH ke kawasan perairan itu mendapati kebanyakan bot ditambah dengan jarak enam meter antara satu sama lain sebagai persiapan berdepan musim tengkujuh.

Penjarakan antara bot dibuat bagi mengelak bot yang ditambah bertembung dan terhempas ketika ombak kuat, sekali gus mengurangkan risiko terdapat kerosakan.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menjangkakan fasa peralihan monsun bermula hari ini yang lazimnya akan berlaku ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang singkat.

Keadaan cuaca itu juga berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan struktur yang tidak kukuh.

Fasa peralihan monsun itu dijangka berterusan sehingga awal November.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		19 24/9/2020	



ANGGOTA APMM menuntun gamat yang dirampas dari bot nelayan Vietnam, kelmarin.

Rodok laut kebas gamat

HM 14/6 14
24/9/2020

Nelayan Vietnam curi 250kg hasil laut ditahan

Oleh Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

Pasir Putih

Tidak cukup dengan mengaut hasil ikan dan sotong, nelayan Vietnam semakin melampau apabila merodok dasar laut negara untuk mengaut gamat bagi mendapatkan puangan lumayan.

Tindakan itu dikesan apabila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan asing terbabit pada 10.15 pagi kelmarin.

Bot nelayan tanpa nombor pendaftaran itu ditahan pada jarak 50.2 batu nautika daripada muara Tok Bali ketika APMM melaksanakan operasi Op Kuda Laut.

Pengarah APMM Negeri Kelantan, Kepten Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob

berkata, nelayan asing itu menggunakan tangkuk besi seperti jentera menggembur tanah untuk merodok permukaan laut negara bagi mengeluarkan gamat.

Katanya, penggunaan peralatan besi itu menyebabkan kemusnahan marin termasuk batu karang.

"Dalam operasi semalam, kami temui 250 kilogram gamat basah dinaikkan nelayan asing dengan kaedah rodok itu dan sekiranya dikeringkan harga pasaran sekilogram gamat boleh mencecah RM300 hingga RM1,000 bergantung pada saiz dan lokasi pasaran.

"Keuntungan tinggi ini menyebabkan nelayan asing mengejar gamat, malah mereka dikesan mengambil gamat bermutu tinggi seperti spesies *Porolithon* *Scabra* yang dipercayai lebih berkhasiat dan tinggi

nilai jualan," katanya.

Nur Syam berkata, dalam operasi itu, pihaknya menahan lima nelayan Vietnam tanpa pengenalan diri berusia 40 hingga 49 tahun termasuk tekong bot.

Beliau berkata, pihaknya merampas gamat, diesel dan peralatan menangkuk bernilai RM300,000 yang menjadi tangkapan ke-49 menerusi Op Kuda Laut.

Menurutnya, jumlah tahanan sehingga kini 544 dengan majoriti adalah nelayan Vietnam.

"Kami mengesan beberapa faktor menyebabkan bot gamat nelayan asing semakin aktif di perairan Kelantan antaranya kes tumpahan toksik di Wilayah Ha Tinh pada 2016 menjejaskan 190 kilometer penduduk pesisir Vietnam dan aktiviti tangkapan gamat disana," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	14	24/9/2020

KOSMO m/s 14 24/9/2020

Remaja tertinggi hanya fokus bantu keluarga, tidak fikir untuk bercinta

Azli kini jadi usahawan udang kara

Oleh AIMUNI TUAN LAH

GUA MUSANG - Remaja tertinggi di negara ini berhasrat menjadi usahawan berjaya apabila kini memternak 2,000 ekor udang kara di rumahnya di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) Paloh 3 di sini.

Mohd. Azli Hisyam Abdul Ghafar, 26, berkata, bermula dengan memternak enam ekor udang kara, spesies itu semakin membiak dengan mendadak kepada ribuan ekor sejak beberapa bulan lalu.

Katanya, usahanya itu turut dibantu abang dan bapa yang banyak memberi semangat dan dorongan.

"Saya kini memternak udang kara dalam bangunan khas yang disediakan pihak Pihak

Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Felda) untuk projek itu.

"Saya gembira apabila hanya bermula dengan enam ekor udang akhirnya semakin membiak sehingga bertambah kepada 2,000 ekor sekarang ini," katanya ketika ditemui Kosmo di sini semalam.

Jelas Mohd. Azli Hisyam, kelebihan memternak udang kara antaranya dia akan memperoleh hasil selepas tempoh 3 hingga 4 bulan selain kosnya juga murah jika diternak sendiri di rumah.

Katanya, harga udang kara juga tinggi apabila ia boleh mencecah RM120 sekilogram ketika ini.

"Saya membuat pilihan untuk menjadi penternak dan usahawan kerana saya tidak dapat pekerjaan lain termasuk di jabatan kerajaan atau swasta.

"Pada asalnya saya bercita-cita menjadi anggota tentera, tetapi akibat ketinggian badan 2.2 meter menyebabkan saya sudah hilang kelayakan," katanya.

Mohd. Azli Hisyam juga berkata, fokusnya ketika ini hanyalah untuk menambah pendapatan keluarga dan membantu ibunya, Halimah Kunju Mohamad, 63, dan bapanya Abdul Ghafar Omar, 74, yang sudah berusia.

Katanya, ketika ini dia hanya memikirkan perihal pekerjaan dan tidak memikirkan lagi soal lain termasuk untuk mendirikan rumah tangga.

"Saya belum lagi mempunyai teman wanita dan tidak bernasrat untuk bercinta.

"Kemungkinan ketinggian fizikal saya menyebabkan kebanyakan perempuan takut untuk dekat," katanya.



Mohd. Azli memunjukkan sebahagian udang kara yang dibesarkan di rumahnya di Gua Musang semalam.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	14	24/9/2020

KOSMO m/s 14 24/9/2020

Lima nelayan Vietnam ditahan curi gamat

PASIR PUTEH – Tindakan sekumpulan lima nelayan Vietnam menangkap gamat secara haram mengundang padah apabila kesemuanya diberkas Maritim Malaysia (APMM) Kelantan dalam kejadian kira-kira 100 kilometer dari muara Tok Bali di sini kelmarin.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Muhd. Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, nelayan itu diberkas dalam Op Kuda Laut pada pukul 10.15 pagi.

Katanya, nelayan itu bertindak agresif dengan mengha-nyutkan tali berukuran 100 me-ter panjang ke dalam air bagi menghalang pihak berkuasa menghampiri mereka.

“Kesemua lima nelayan Viet-

nam berusia antara 40 hingga 49 tahun itu menggunakan tangkuk besi untuk menangkap gamat,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Muhd. Nur Syam berkata, pihaknya turut menemui 250 kilogram gamat basah yang di-anggarkan bernilai RM2,500 yang boleh dipasarkan sehingga RM1,000 bagi setiap kilogram selepas dikeringkan.

“Rampasan bot dan perala-tan menangkuk serta gamat di-anggarkan bernilai RM300,000.

“Nelayan asing mencuri se-hingga tiga tan sehari gamat ter-pilih daripada gred A,” katanya.

Setakat ini APMM Kelantan telah menahan 544 nelayan asing yang mencuri hasil laut negara.



ANGGOTA APMM mengawal lima nelayan Vietnam yang ditahan ketika mencuri gamat di muara Tok Bali, Pasir Puteh kelmarin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		21	24/9/2020

Cubaan nelayan Vietnam curi gamat 250kg

54 M/s 21 24/9/2020

PASIR PUTEH - Cubaan sekumpulan nelayan asing warga Vietnam yang menggunakan teknik 'zigzag' untuk meloloskan diri selepas mencuri hasil gamat di negara ini gagal apabila mereka ditahan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Kelantan kelmarin.

Kumpulan nelayan asing Vietnam yang terdiri daripada seorang tekong dan empat awak-awak masing-masing berusia antara 40 hingga 49 tahun itu ditahan pada jam 10.15 pagi dari jarak 54.2 batu nautika dari muara Tok Bali.

Pengarah Maritim Negeri Kelantan, Kepten Maritim Muhd Nur Syam Asmawie Yaacob berkata, sebelum itu bot tersebut telah menghanyutkan tali berukuran 100 meter yang dipasang pada sauh bagi mengelakkan daripada ditahan.

"Bagaimanapun, kecekapan anggota pasukan dari bot Kilat 28 berjaya



Cubaan sekumpulan nelayan asing warga Vietnam yang menggunakan teknik 'zigzag' untuk meloloskan diri selepas mencuri hasil gamat di negara ini gagal apabila mereka ditahan oleh APMM Kelantan.

mematahkan cubaan nelayan asing itu untuk meloloskan diri.

"Anggota APMM Kelantan terpaksa bertarung selama 10 minit sebelum berjaya menumpaskan kumpulan nelayan Vietnam itu dengan mengerah segala kemahiran yang ada," katanya pada sidang akhbar di Pejabat APMM Kelantan di Tok Bali di sini semalam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas bot berkenaan mendapati kesemua nelayan itu gagal mengemukakan pe-

ngenalan diri dan dokumen sah berkaitan kebenaran menjalankan aktiviti berkenaan di kawasan perairan Malaysia.

Katanya, pemeriksaan lanjut ke atas bot itu membawa kepada penemuan 250 kilogram gamat basah yang dianggarkan bernilai antara RM300 hingga RM1,000 sekilogram jika dikeringkan.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk bot, peralatan menangkup, gamat dan minyak diesel dianggarkan bernilai RM300,000," katanya.